
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 2007/2008

Oktober/November 2007

**HKN 206 – KESUSASTERAAN BERCORAK ISLAM
DI NUSANTARA**

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja.

1. Pengisian **Hikayat Nur Muhammad** banyak dibicarakan oleh sarjana Islam dan ahli-ahli sufi. Dengan memfokuskan kepada pandangan tokoh-tokoh tertentu huraikan secara kritis idea-idea asas yang mengutarakan pemikiran mereka tentang tingkat-tingkat alam metafizik.
2. Berdasarkan **Nazam Maulid Jawi [Kanz al-'Ula]**, bincangkan sejauhmanakah riwayat dan peribadi Rasulullah s.a.w yang dapat dibaca secara tersurat turut dapat difahami secara tersirat? Jelaskan juga bagaimana teks ini dapat diterima sebagai sebuah karya bercorak Islam yang amat serius dan menarik.
3. Perihalkan secara kritis unsur-unsur pengajaran Islam yang dapat dikesani di sepanjang pengembaraan dan peristiwa yang dialami oleh Tamim al-Dari di alam ghaib dan di alam nyata seperti yang terungkap dalam **Hikayat Tamim al-Dari**. Kukuhkan perbincangan anda dengan contoh-contoh yang sesuai.
4. Huraikan jenis-jenis bingkai berdasarkan pembahagian yang telah dibuat oleh Mia I. Gerhardt. Pada pandangan anda apakah jenis bingkai yang paling sesuai untuk dikenakan kepada cerita berbingkai yang diceritakan oleh isteri Maharaja Ali dalam **Hikayat Maharaja Ali**? Kemudian jelaskan bagaimana tema literal dalam hikayat ini dapat dihuraikan secara simbolik.
5. C. Skinner berpendapat perlukisan pengarang **Syair Perang Mengkasar** sebagai "sangat mirip dengan gambaran-gambaran yang ditulis para ahli sejarah Eropah di samping persembahan *exordium* adalah unik". Sementara itu, V.I. Braginsky beranggapan, "tidak aneh bahawa penulis **Syair Perang Mengkasar** banyak tahu tentang kejadian yang ditulisnya". Berdasarkan kedua-dua pernyataan sarjana tersebut, bincangkan secara ilmiah,
 - [a] persona diri pengarang **Syair Perang Mengkasar**
 - [b] keunikan bahagian *exordium* syair ini berdasarkan formula $(x + x + x) + 3x + x = 28$.
6. Perincikan dengan kritis jenis-jenis wira dalam konteks sastera bercorak Islam. Dengan memfokuskan kepada tindak-tanduk dan gerak-geri Siti Zubaidah dalam **Syair Siti Zubaidah Perang China**, bahaskan peranan watak ini untuk mewajarkan kedudukannya sebagai wira.

7. Dengan merujuk karya ***Jala' al-Qulub bidhikrillah*** karya Tuan Tabal, kemukakan dengan jelas:
- [a] gaya persembahan Tuan Tabal di bahagian mukadimah dan khatimah. Sertakan contoh-contoh yang sesuai.
 - [b] saranan dan amalan Tuan Tabal untuk menggilap “kalbu sebagai baitullah”.